



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E8
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146

KP (BPPDP)/601/117 (18)
16 November 2011

Semua Pengarah Pelajaran,
Jabatan Pelajaran Negeri.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BILANGAN 6 TAHUN 2011:

PINDAAN PERKARA 6 DAN LAMPIRAN DALAM SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2011: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 5 Tahun 2011 bertarikh 14 November 2011 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

2. Sehubungan dengan itu, Kementerian bersetuju pindaan dibuat kepada Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 5 Tahun 2011 mengenai **perkara 6** dan **Lampiran**, Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. 5 Tahun 2011.

3. Justeru, perkara 6 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) hendaklah dibaca seperti berikut:-

“Bagi tujuan pendaftaran/penempatan murid ke Tingkatan 1, dasar dan prosedur penempatan yang sedia ada dikekalkan. Sehubungan dengan itu, tarikh pendaftaran/penempatan Tingkatan 1 adalah mengikut ketetapan pihak sekolah. Pihak sekolah diminta bersedia untuk ibu bapa melakukan semakan awal tentang pelaksanaan p&p sains dan matematik dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris atau dwibahasa (bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris) bagi murid Tingkatan 1. Semakan ini boleh dibuat melalui telefon/e-mel/datang sendiri ke sekolah menengah yang telah ditetapkan. Bagi tujuan pengoperasian di peringkat JPN/PPD/sekolah, sila rujuk Lampiran 1 ”.

4. Bersama-sama ini disertakan lampiran yang telah dipinda (Lampiran 1) bagi menggantikan lampiran dalam garis panduan tersebut.

5. Sila maklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam melancarkan urusan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Dr KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Dasar dan Pembangunan Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.:
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
 2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
 5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia